



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Pengurusan Latihan
Aras 3 & 6, Menara Prisma
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-8000 8000
Faks: 603-8885 0748
Web: latihan.moh.gov.my

Ruj: (KKM.500/3/4/9 Jld.3 ())
Tarikh: 15 Mac 2017

Pengarah Bahagian

Setiausaha Bahagian

Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Hospital/ Institusi Latihan

YBhg. Datuk/ Dato'/ To' Puan/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN KEMUDAHAN PROGRAM BIASISWA KOMANWEL NEW ZEALAND TAHUN 2017

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mempelawa semua anggota Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkelayakkan untuk memohon kemudahan **Biasiswa Komanwel New Zealand Tahun 2017** bagi mengikuti pengajian peringkat Sarjana dan PhD secara sepenuh masa.

SYARAT- SYARAT PERMOHONAN

3. Pemohon- pemohon hendaklah memenuhi syarat- syarat seperti berikut:
- Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang sedang dalam perkhidmatan tetap;
 - Telah disahkan dalam skim semasa pada tarikh tutup permohonan;
 - Umur tidak melebihi **39 tahun pada 11 Oktober 2017**;



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO : AR 5973

- d) Mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik;
- e) Telah mengisytiharkan harta;
- f) Mempunyai Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) purata minimum 85% bagi tempoh genap penilaian 3 tahun calendar yang terkini berturut-turut (2013, 2014 & 2015) atau (2014, 2015 & 2016);
- g) Bersih daripada pertuduhan/ tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan mahkamah;
- h) Tidak tersenarai dalam senarai hitam peminjam skim pinjaman pelajaran JPA
- i) Tiada mengikuti kursus pendek di luar negara dalam tempoh satu (1) tahun kebelakangan atau kursus panjang dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan (dikira dari 11 Oktober 2017);
- j) Kursus yang diikuti berkaitan dengan bidang yang bersesuaian dengan bidang tugas;
- k) Tidak mendapat penajaan (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi penajaan yang lain bagi pengajian yang diikuti; dan
- l) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakkan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai

CARA MEMOHON

4. Pemohon perlu melayari laman web JPA dan memohon secara online melalui laman web <http://esilav2.jpa.gov.my>.
5. Pemohon adalah dinasihatkan untuk memahami dan mengikuti tatacara permohonan bagi mengelakkan permohonan tersebut ditolak.
6. Pemohon perlu menghantar dokumen yang telah dilengkapkan sebanyak 3 keping berserta salinan Buku Perkhidmatan terkini sebelum **31 Mac 2017** kepada:-

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
Aras 6, No 26, Persiaran Perdana, Persint 3
62675, Putrajaya
(u/p: En. Nor Azhar Kamaludin)

7. Sebarang pertanyaan berkaitan pemohonan tawaran biasiswa ini boleh dirujuk ke Unit Latihan dalam Perkhidmatan 1, Bahagian Pengurusan Latihan, KKM seperti berikut:

Pn. Jaarah binti Mat
Penolong Setiausaha
E.mail: jaarah@moh.gov.my
No. Telefon: 03-8885 0618
No. Faks: 03-8885 0746

En. Nor Azhar bin Kamaludin
Penolong Setiausaha
Email: norazhar.k@moh.gov.my
No. Telefon: 03-8885 0618
No. Faks: 03-8885 0746

8. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ To' Puan/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua anggota yang berminat dan berkelayakkan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ To' Puan/ Datin/ Tuan/ Puan untuk memohon tawaran biasiswa ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurutperintah,



(MASNI AFIZA BINTI MOHAMED)

Bahagian Pengurusan Latihan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (P)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (K)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan&Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan, Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT OF MALAYSIA
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Human Capital Development Division
Aras 3 - 6, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892176
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(I)S.179/17/2-11 Jld.2 (10)
Tarikh : 6 Mac 2017 / 7 Jamadilakhir 1438H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAWAAN KEMUDAHAN PROGRAM BIASISWA KOMANWEL NEW ZEALAND
TAHUN 2017**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada kalangan pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memohon kemudahan **Program Biasiswa Komanwel New Zealand Tahun 2017** bagi pengajian peringkat Sarjana dan Ph.D secara sepenuh masa.

3. Calon-calon hendaklah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur Biasiswa Komanwel New Zealand dan juga memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- (ii) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa pada tarikh tutup permohonan;
- (iii) Umur **tidak melebihi 39 tahun pada 11 Oktober 2017**;



- (iv) Mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik;
- (v) Telah mengisytiharkan harta;
- (vi) Mencapai Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata minimum 85% bagi tempoh genap 3 tahun kalendar yang terkini berturut-turut (2013, 2014 & 2015) atau (2014, 2015 & 2016);
- (vii) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (viii) Tidak tersenarai dalam senarai hitam peminjam skim pinjaman pelajaran JPA;
- (ix) Tiada mengikuti kursus pendek di luar negara dalam tempoh **satu tahun** kebelakangan atau kursus panjang dalam tempoh **dua tahun** kebelakangan (**dikira dari 11 Oktober 2017**);
- (x) Kursus yang diikuti adalah berkaitan dengan bidang yang bersesuaian dengan bidang tugas;
- (xi) Tidak mendapat penajaan (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi penaja yang lain bagi pengajian yang diikuti; dan
- (xii) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai.

4. Tatacara Permohonan / Pencalonan

4.1 Tanggungjawab Pegawai

Pegawai-pegawai yang berminat perlu mengisi borang permohonan secara dalam talian di portal <http://esilav2.jpa.gov.my> dan melengkapkan borang-borang seperti berikut :

- (i) Borang JPA(L)LDP 1B/96;
- (ii) Borang JPA(L)LDP 1A/96 - (**Lampiran B**);
- (iii) Perakuan Ketua Jabatan - (**Lampiran C**); dan
- (iv) *Application Form 2017 Selection – New Zealand Commonwealth Scholarship*

4.1.1 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

- (i) Salinan Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip);
- (ii) Salinan Ijazah Sarjana atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip); dan
- (iii) *Application Form 2017 Selection – New Zealand Commonwealth Scholarship*

4.1.2 Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

4.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan

4.2.1 Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan untuk **memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.**

4.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Panel Pembangunan Sumber Manusia untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (i) Mengisi Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan - JPA(L)LDP1A/96 (**LAMPIRAN B**) dan Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**); dan
- (ii) Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh PPSM sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen seperti di perenggan 4.1. dan 4.1.1

5. Pemilihan calon akan ditentukan oleh pihak Biasiswa Komanwel New Zealand selaku penaja dan keputusan bagi calon-calon yang berjaya akan diumumkan pada bulan Oktober 2017.

6. Tarikh Tutup Permohonan/Pencalonan

6.1 Tarikh tutup permohonan secara dalam talian bagi pegawai yang ingin memohon adalah pada **31 Mac 2017**.

6.2 Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan juga adalah pada **31 Mac 2017**.

7. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan sebanyak **2 salinan (1 salinan asal dan 1 salinan fotostat)** ke Jabatan ini di alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

Sebarang pertanyaan atau kemusykilan dalam urusan ini bolehlah diajukan kepada:

Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan
No. Telefon : 03-8885 3546
No. Faks : 03-8889 2171
Emel : ldp@jpa.gov.my

8. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Tan Sri/Puan Sri/ Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DR. SITI MUHAZA BINTI SHEIKH ZAINAL)

Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

PANDUAN PERMOHONAN BIASISWA KOMANWEL NEW ZEALAND TAHUN 2017

1. Calon perlu berumur **tidak melebihi 39 tahun pada 11 Oktober 2017**.
2. Calon perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur Biasiswa Komanwel New Zealand. Maklumat lanjut boleh didapati melalui pautan <https://www.mfat.govt.nz/en/aid-and-development/scholarships/how-to-apply/#comm>.
3. Calon perlu **memohon secara online** melalui laman web <http://esilav2.jpa.gov.my>.
4. Bagi calon **bukan kakitangan Kerajaan (swasta, pelajar, tidak bekerja)**, borang permohonan yang telah lengkap diisi perlu dihantar sebanyak 2 salinan (1 asal dan 1 salinan fotostat) **selewat-lewatnya pada 31 Mac 2017** ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
62510 PUTRAJAYA

(u.p.: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

5. Manakala bagi calon yang terdiri daripada kakitangan Kerajaan (penjawat awam), pegawai juga perlu memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Edaran Pelawaan Kemudahan Program Biasiswa Komanwel New Zealand Tahun 2017. Borang permohonan yang telah lengkap diisi perlu dihantar sebanyak 2 salinan (1 asal dan 1 salinan fotostat) kepada Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan masing-masing. Pencalonan daripada Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan perlu dihantar ke JPA **selewat-lewatnya pada 31 Mac 2017**.